

Qalam

KDN. 2180

M.C. (P) 2813/58

Dhu al-Qa'idah 1385

March 1966

Bilangan 188

60 sen

Patut Dilayan dan Diterima

Rang Undang-undang Pertadbiran Islam jangkanya ditutup pada akhir bulan March 1966 untuk menerima pendapat-pendapat dan fikiran kaum Muslimin di seluruh Singapura. PAS dan PEMAS bergabung mengadakan rapat badan-badan Islam dan persuratan untuk mengkaji bersama Rang Undang-undang Pertadbiran Islam 1965 itu dan tidak mengikat mana-mana badan dan perseorangan untuk mengemukakan pendapat masing-masing kepada Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*). Dalam pada itu mereka melantik sesuatu jawatankuasa untuk mengkaji Rang Undang-undang itu sementara menunggu-nunggu janji kerajaan menerusi Kementerian Kebudayaan menerbitkan terjemahan ke dalam bahasa Melayu akan rang undang-undang tersebut. Di dalam mesyuarat itu juga mereka menuntut supaya terjemahan rang undang-undang itu dikeluarkan untuk dikaji oleh seluruh umat Islam yang akan terlibat dalam undang-undang yang umumnya mengetahui hanya bahasa Melayu.

Kita berkeyakinan bahawa selain daripada jawatankuasa yang dilantik oleh perjumpaan itu tentu ada lagi badan-badan atau perseorangan yang akan mengemukakan fikiran atau pendapatnya kepada jawatankuasa pilihan itu dan tentunya umum sekata bahawa umat Islam tidak seorang pun yang berkenan jika ada termaktub di dalam undang-undang itu perkara-perkara

yang bertentangan dengan syarak atau perkara-perkara yang merampas kelulusan ke atas seseorang. Umpamanya perkara-perkara yang bertujuan menyekat dan tidak membolehkan di dalam poligami; di dalam perkara mewajibkan seorang suami membayar kepada jandanya pemberian-pemberian yang tidak diwajibkan atasnya oleh syarak; perkara-perkara tidak boleh mendaftarkan perceraian melainkan dengan persetujuan kedua-dua pihak; kuasa meruntuh, memindah dan menjual wakaf-wakaf masjid; merampas kuasa wakaf – semuanya yang bertentangan dengan syarak itu diwajibkan bagi kerajaan menerima bulat-bulat tuntutan umat Islam kerana sekiranya perkara-perkara yang bertentangan diperundang-undangkan, maka akan timbul perkara-perkara yang tidak disukai iaitu mungkin umat Islam terasa bahawa kerajaan sengaja menyakiti umat Islam dan sengaja menyekat kebebasan beragama bahkan pada masa sekarang pun telah ada timbul perasaan-perasaan dan percakapan yang kurang sedap didengar yang mengatakan bahawa mengapa bagi umat Islam diadakan undang-undang untuk mereka tetapi tidak ada undang-undang khas agama lain seperti agama Hindu, Buddha dan seumpamanya dan yang demikian ini tentunya menimbulkan sangkaan-sangkaan seolah-olah menuduh kerajaan sengaja hendak mengawal dan menghalang segala gerak-geri umat Islam.

Untuk menjauhkan perkara yang demikian ini seyogialah kerajaan menjauhkan perkara-perkara, di dalam mengkaji undang-undang ini, hal-hal yang boleh menimbulkan pandangan bahawa hukum yang dibuat bertentangan sebahagiannya dengan hukum syarak dan menjauhkan sama sekali perasaan-perasaan yang timbul bahawa rang undang-undang itu untuk mengongkong umat Islam. Kerana itu telah wajar bagi kerajaan menghalusi kehendak-kehendak mereka dan menerima pindaan-pindaan mereka dengan bulat disebabkan mereka mengetahui bahawa di dalam Parlimen yang bakal membahas undang-undang itu tidak ada golongan-golongan yang di luar daripada kerajaan dan tidak pula mereka itu, parti-parti kerajaan ada orang-orang yang ahli di dalam perkara-perkara agama Islam.